

JUVANA DARI PERSPEKTIF SISTEM PERUNDANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: SATU ANALISIS

JUVENILES FROM PERSPECTIVE OF BRUNEI DARUSSALAM LEGAL SYSTEM: AN ANALYSIS

Haji Zuneidy Jumat¹

Accepted date: 19-01-2019

Published date: 10-03-2019

To cite this document: Haji Zuneidy Jumat. (2019). Juvana Dari Perspektif Sistem Perundangan Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (14), 50-65.

Abstrak: Tafsiran juvana di dalam perundangan sivil di Brunei ialah seseorang yang telah mencapai 7 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun. Mana-mana kes-kes juvana delinkuen akan dihadapkan di Mahkamah Juvana yang dikendalikan oleh seorang Majistret bersama dua orang penasihat dari Badan Penasihat yang dilantik oleh Ketua Hakim. Walau bagaimanapun, kes-kes melibatkan golongan ini hanyalah berkaitan perundangan sivil sahaja sedangkan sistem perundangan di Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dualisme iaitu sivil dan Syariah. Perundangan Syariah di Negara ini memperuntukkan seseorang yang mencapai umur 15 tahun sudah dikira mukallaf. Ini menimbulkan masalah apabila seseorang yang berumur 15 hingga 18 tahun dikira dewasa menurut peruntukan undang-undang berkenaan dan akan dihukum seperti orang dewasa jika melakukan jenayah Syariah. Kertas kerja ini akan mengupas tentang juvana dari sudut perundangan sivil dan Syariah di mana penulis akan menggunakan metodologi perbandingan mengenainya dengan menimbulkan isu yang berkaitan. Hasil daripada kajian ini penulis akan membuat penilaian dan cadangan agar kemaslahatan masyarakat khususnya golongan juvana di Negara Brunei Darussalam terjaga.

Kata Kunci: Baligh, Bukan Mukallaf, Diyat, Hudud, Mumaiyiz, Qisas

Abstract: *Juvenile interpretation in civil legislation in Brunei is a person who has attained the age of 7 years but who has not reached the age of 18. Any delinquent juvenile cases will be brought before the Juvenile Court who normally shall be presided over by a Magistrate with two advisers from the panel of Advisers nominated by the Chief Judge. However, any cases involving these groups are only related to civil legislation whilst the legal system in Brunei Darussalam has practiced dualism: civil and Syariah. The Syariah Law of the State provides for a person who has attained the age of 15 years is considered as mukallaf. This poses a problem when a person between the ages of 15 and 18 is considered as an adult according to the provisions of the law and shall be punished as adults if they commit a Syariah crime. This paper will examine juveniles from the perspective of civil and Syariah law in which the author will use a comparison methodology on it by raising relevant issues. As a result of this study,*

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam.

the author will evaluate and recommend that the benefit of the society, especially the juvenile in Brunei Darussalam, be preserved.

Keywords: *Baligh, Not Mukallaf, Diyat, Hudud, Mumaiyiz, Qisas*

Pengenalan

Sistem perundangan di Negara Brunei Darussalam yang telah mengamalkan sistem dualisme sejak menjadi negara di bawah naungan British melalui Perjanjian Tahun 1888 (dikenali sebagai The Protectorate Agreement 1888) di antara kerajaan Brunei dan Kerajaan British.² British telah berjaya memansuhkan Hukum Kanun Brunei (yang merupakan sistem perundangan tunggal Brunei sejak berabad lama) dengan membawa masuk undang-undang Inggeris yang sama dengan undang-undang di negara-negara Melayu Bersekutu di bawah jajahan British disebabkan banyak persamaannya dengan Brunei dan kemudiannya menjadi sumber perundangan rasmi Brunei.

Walaupun bagaimanapun, termeterainya Perjanjian 1905 dan 1906 sekurang-kurangnya telah mengembalikan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam meskipun pada waktu itu telah dihadkan bidangkuasanya dengan Undang-Undang Diri (personal law) dengan berkuatkuasanya enakmen Muhammedan Law 1912 dan the Muhammedan Marriage and Divorce Enactment 1913 yang dikendalikan oleh Mahkamah Kadi. Walaupun kedudukan Mahkamah Kadi pada ketika itu berada di bawah sekali di dalam hirarki Mahkamah-Mahkamah, namun berkat kesabaran dan kegigihan pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III yang mahu Islam dijadikan ugama rasmi negara sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 maka Mahkamah Kadi telah dinaik taraf dan terkeluar daripada hirarki Mahkamah-mahkamah setelah Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955 digubal, ianya memberi impak yang besar terhadap sistem dan struktur Mahkamah Kadi yang mempunyai kuasa penuh dalam melaksanakan perintah dan tidak lagi berada di bawah pentadbiran Mahkamah sivil Brunei.

Penstrukturan semula hirarki Mahkamah Kadi berdasarkan undang-undang tersebut seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Kehakiman.³
- ii. Mahkamah Kadi Besar.⁴
- iii. Mahkamah-Mahkamah Kadi.⁵

Kedudukan Jawatankuasa Kehakiman adalah tertinggi di dalam hirarki Mahkamah Kadi yang berfungsi sebagai Mahkamah Rayuan yang berkuasa mendengar sebarang rayuan oleh mana-mana pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Kadi dan Mahkamah Kadi Besar berdasarkan bab 49, Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955 (Undang-Undang No. 20 tahun 1955). Pada tahun 1984, undang-undang ini telah disemak semula dengan membuat beberapa pindaan dari segi meningkatkan hukuman denda dan juga menukar nama undang-undang menjadi Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggagal 77) (semakan 1984).

² Hussainmiya, Dr. B.A. (2006). *Brunei Revival of 1906: A Popular History*, Brunei: Brunei Press Sdn Bhd, h. 23.

³ Bab 44, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggagal 77).

⁴ Bab 46 (1), *Ibid*

⁵ Bab 46 (2), *Ibid*

Penstrukturan semula Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman telah digantikan dengan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah⁶ setelah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184) berkuatkuasa pada 26 Mac 2001.

Pada 1 Mei 2014 yang lalu, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah telah berkenan menguatkuasakan Akta (Perintah) Kanun Hukuman Jenayah Syariah (selepas ini dirujuk sebagai PKHJS) dimana ianya memperuntukkan undang-undang jenayah Syar'iah berdasarkan Hukum Syara' sekaligus menaik taraf sistem perundangan Islam Brunei setaraf dengan undang-undang sivil (Inggeris) di Negara Brunei Darussalam. Akta PKHJS 2013 meliputi lima Bahagian dan empat penggal daripada Bahagian Empat memperuntukkan jenayah hudud, qisas, diyat dan ta'zir yang akan dibicarakan di Mahkamah Syariah setelah Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah 2018 (selepas ini dirujuk sebagai PKPJMS 2018) yang memperuntukkan prosedur siasatan, perbicaraan dan pelaksanaan hukuman ke atas pelaku yang melakukan kesalahan di bawah PKHJS 2013 berkuatkuasa. Pelaksanaan PKPJMS 2018 akan memansuhkan beberapa peruntukan prosedur jenayah di dalam Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi (Penggagal 77) dan tidak lagi merujuk kepada peruntukan tambahan di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal7)

Terdapat beberapa peruntukan jenayah antara PKHJS dengan Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) (selepas ini dirujuk KHJ) mempunyai sifat perbuatan jenayah yang sama ataupun hampir sama tetapi terminologi tersendiri seperti berikut:

	PKHJS	KHJ
1	<i>Sariqah</i>	Curi
2	<i>Hirabah</i>	Rompak
3	<i>Zina bil jabar</i>	Rogol
4	<i>Liwat</i>	Salah satu kesalahan di bawah nama Persetubuhan Luar Tabii
5	<i>Qatl</i>	Membunuh
6	Kecederaan	Kecederaan

Meskipun terdapat beberapa peruntukkan kesalahan yang bertindih (*overlapping*) di antara kedua-dua undang-undang tersebut, namun ia tidak memansuhkan peruntukan Akta KHJ malah masih dikekalkan dan masih berjalan dan ini bermakna dua sistem keadilan jenayah akan berjalan seiring.⁷

Penyataan Masalah

Namun apa yang menjadi perhatian ialah apabila golongan juvana yang melakukan salah satu kesalahan yang bertindih tersebut. Sebagai contoh A, seorang berumur 16 tahun semasa kejadian, melakukan persetubuhan dengan kerelaan bersama seorang perempuan, B, yang berumur 13 tahun. Di sini, A akan didakwa melakukan jenayah rogol bawah umur di bawah

⁶ Bab 6 (1), Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184)

⁷ Yang Berhormat Peguam Negara Brunei Darussalam, Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati Binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh. (23 Oktober 2013). "*Kebolehlaksanaan Undang-Undang Sivil Berjalan Seiring Dengan Undang-Undang Syar'iyah*" Kertas Kerja Majlis Ilmu 2013, Brunei: Pelita Brunei, h.3.

seksyen 375 (e) dari Akta KHJ yang boleh dihukum di bawah seksyen 376 Akta yang sama dan perbicaraan akan didengar di dalam Mahkamah Sivil (Juvana) kerana umur A ialah 16 tahun.

Walau bagaimanapun, dari sudut perundangan Syariah pula, A bukan sahaja boleh di dakwa kesalahan *zinā bil-jabar* berdasarkan bab 75 (f), PKHJS 2013 yang menyebutkan jika kerelaan (untuk melakukan persetubuhan) itu diberi oleh seorang yang belum *baligh* adalah dikira melakukan *zinā bil-jabar*.⁸ Malah A dan B juga boleh disiasat atau didakwa melakukan kesalahan *zina* yang boleh dihukum di bawah bab 70, PKHJS. Ini kerana A adalah seorang yang *baligh* dan *mukallaf* akan didakwa yang mana hukumannya sama seperti orang dewasa. Manakala B didakwa kesalahan zina yang boleh dihukum di bawah kategori orang yang belum mukallaf.

Objektif Kajian

Beberapa objektif utama akan diketengahkan dalam kajian ini:

1. Mengenalpasti peruntukan kesalahan bertindih antara perundangan sivil dan Syariah di Negara Brunei Darussalam.
2. Menganalisis had umur juvana dari perspektif undang-undang sivil dan Syaria'.
3. Menghuraikan implikasi yang akan ditanggung oleh juvana yang melakukan kesalahan di bawah perundangan sivil dan Syariah.

Skop Kajian

Dalam kajian ini penulis akan memfokuskan perbandingan perundangan sivil dan Syariah di Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan golongan juvana.

Kajian Literatur

Jurnal Wafaa' Yusof dan Anita Abd Rahim (2014) bertajuk *The Age Of Criminal Responsibility From The Perspective Of Malaysian Shariah Law*⁹ menyatakan negeri-negeri di Malaysia tidak seragam memperuntukkan pesalah muda bagi kes-kes jenayah Syariah dimana kebanyakan negeri-negeri memperuntukkan had umur pesalah muda adalah antara 10 sehingga 15 tahun (kecuali Perlis memperuntukkan 10 – 18 tahun berdasarkan mazhab Hanafi). Ketidakteraturan undang-undang mengenai peruntukkan umur pesalah muda boleh mengakibatkan ketidakadilan kepada semua pihak termasuk pesalah, mangsa jenayah, atau masyarakat umum. Sebenarnya, ianya membuka ruang terhadap kuasa budi bicara hakim dan pegawai penguatkuasa agama yang menimbulkan kemungkinan melakukan ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Kuasa untuk mencapai ijtihad para hakim dalam memutuskan hukuman tidak boleh disangkal tetapi demi keadilan untuk semua orang, adalah lebih bijak untuk berpegang pada pendapat yang dipersetujui dan menetapkan peruntukan yang konsisten dan seragam. Walau bagaimanapun, kajian tidak memberikan contoh-contoh kes yang menjadi panduan untuk menyokong pendapat mereka.

Penulis buku *Jenayah Kanak-Kanak* tulisan Alwi Hj Abd Rahman (1999)¹⁰ telah memperincikan tanda-tanda fisiologi daripada kanak-kanak yang belum mumaiyiz sehingga mencapai umur dewasa dengan memetik beberapa pendapat fuqaha yang membincangkan isu

⁸ Bab 75(f), PKHJS.

⁹ Wafaa' Yusof dan Anita Abdul Rahim. (2014), *The Age of criminal responsibility from the perspective of Malaysian Shariah Law*, Asian Social Sciences, Vol. 10, No. 10.

Sumber: URL: <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n10p95>

¹⁰ Alwi Hj Abd Rahman. (1999), *Jenayah Kanak-Kanak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

baligh, mukallaf dan mumaiyiz. Walau bagaimanapun buku tersebut tidak menyentuh mengenai prosedur perundangan golongan juvana dihadapkan di Mahkamah.

Roslee Ahmad (2015) di dalam buku bertajuk *Kaunseling Tingkah Laku Seks Manusia*¹¹ menceritakan mengenai tingkah laku seksual manusia setiap umur serta faktor punca berlakunya gejala seksual dikalangan manusia. Di awal buku tersebut menghuraikan mengenai perkembangan dan tingkah laku seks kanak-kanak dan remaja dari peringkat awal lagi.

Di dalam kertas kerja seminar Mohd Abu Hassan Abdullah et.al (2017) bertajuk *Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah Di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah*¹² menerangkan tafsiran pesalah muda di dalam Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) di mana di dalam PKPJMS 2018 tiada tafsiran sedemikian. Penulis sependapat dengan penyelidik kertas kerja berkenaan mengenai supaya menggunakan umur maksima (yakni 18 tahun sepertimana diperuntukkan di Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 walaupun enakmen tersebut belum dikuatkuasakan) asalkan ianya masih di bawah pandangan *Ahlu Sunnah Wal Jama'ah*.

Hasnah Binti Ghani (1995) di dalam bukunya *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*¹³ menerangkan perkembangan fizikal dan mental seseorang remaja itu dan faktor-faktor berlaku jenayah di kalangan mereka. Walau bagaimanapun, di bawah tajuk pelaksanaan hukum Syariat Islam, penulis tidak mendapati buku tersebut menimbulkan apa-apa isu berkaitan dengan perbandingan tafsiran remaja dari sudut undang-undang sivil dan Syariah melainkan membangkitkan isu-isu kontemporari terhadap pelaksanaan hukum syariat Islam.

Metodologi

Dalam kertas kerja ini penulis akan menghuraikan secara ringkas dan padat mengenai juvana di Negara Brunei Darussalam dengan membuat perbandingan dari sudut perundangan sivil dan Syariah.

Juvana dari Sudut Perundangan Sivil

Di dalam Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggali 219)¹⁴, selepas ini dirujuk KKOM, menafsirkan beberapa kategori umur seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Kanak-kanak adalah seseorang yang telah berumur di bawah 14 tahun, manakala orang muda adalah seseorang yang mencapai umur 14 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun. Di antara

¹¹ Roslee Ahmad. (2015), *Kaunseling Tingkah Laku Seks Manusia*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaya

¹² Mohd Abu Hassan Abdullah et.al. (2017), *Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah Di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah*, *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society* (pp. 315-325). Terengganu: Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZa.

¹³ Hasnah Ghani. (1995). *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: HIZBI.

¹⁴ Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggali 219) berkuatkuasa pada 1 Mac 2010. Akta ini digubal sebagai kerana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (*United Nations Convention on the Rights of the Child*) yang bertujuan untuk terus komited ke arah memenuhi tanggungjawabnya dalam mengangkat dan melindungi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa selaras dengan Perlembagaannya.

umur seseorang kanak-kanak yang telah mencapai 7 tahun sehingga dia mencapai umur 18 tahun maka dia tergolong sebagai juvana atau juvenil.¹⁵

Istilah delinkuen sering dirujuk kepada remaja yang bermasalah sebagai melanggar peraturan ataupun undang-undang sesuatu masyarakat ataupun negeri. Sehubungan itu, seseorang kanak-kanak itu dianggap juvana delinkuen atas perbuatan dilakukannya itu adalah suatu jenayah jika dilakukan oleh orang dewasa. Penulis-penulis sosiologi Barat tidak menggunakan istilah jenayah yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak atau remaja, sebaliknya mereka menggunakan istilah delinkuen.

Dari sudut doktrin perundangan di bawah *Common Law*, seseorang kanak-kanak di bawah umur 7 tahun tidak akan dikenakan hukuman sekiranya dia telah melakukan sesuatu perbuatan yang mana jika ia dilakukan oleh seorang dewasa adalah perbuatan jenayah. Manakala kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 14 tahun telah dianggap kurang tanggungan jenayah (*lack criminal responsibility*) kerana kurang keupayaan intelektual. Walau bagaimanapun, anggapan ini mula lemah apabila mereka mula menjejaki umur 14 tahun dan dapat membezakan perbuatan 'betul' atau 'salah'. Sekiranya golongan umur sebegini boleh didakwa dalam perbicaraan kes jenayah dan jika didapati bersalah maka mereka akan menerima kesan (hukuman) atas perbuatan yang dilakukan oleh mereka. Namun setiap negara di dunia mempunyai bidangkuasa masing-masing menentukan kadar had umur seorang juvana itu dan Negara Brunei Darussalam telah menetapkan had umur seorang juvana iaitu sehingga umur 18 tahun.

Bidangkuasa Mahkamah Juvana

Penubuhan Mahkamah Juvana adalah untuk mengendalikan kes-kes perbicaraan jenayah dikalangan juvana berdasarkan Seksyen 10 dari Akta berkenaan. Kes-kes perbicaraan yang melibatkan juvana akan dikendalikan oleh seorang Majistret bersama dua orang penasihat dari Badan Penasihat yang dilantik oleh Ketua Hakim kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan untuk kepentingan keadilan.¹⁶

Jika seseorang juvana dipertuduhkan atas apa-apa kesalahan yang hanya boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi, maka dia hendaklah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi melainkan jika Pendakwa Raya memohon kepada Mahkamah Juvana untuk membicarakan kesalahan itu dan peguam dan wakil perundangan¹⁷ juvana itu bersetuju dengan kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Juvana.¹⁸ Jika kedua-dua ini tidak dipenuhi maka kes jenayah juvana itu belum dapat dibicarakan.

Walaupun bagaimanapun, jika seorang juvana itu dihadapkan pertuduhan bersama seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun, maka pertuduhan itu hendaklah didengar oleh mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang bersesuaian selain Mahkamah Juvana.¹⁹

¹⁵ Seksyen 2, KKOM (Penggali 219), "Juvenil" bermaksud seseorang seseorang yang telah mencapai 7 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun.

("juvenile" means a person who has attained the age of 7 years of age but who has not attained the age of 18 years. – Section 2, *Children and Young Persons Act, Chapter 219*)

¹⁶ Seksyen 9, KKOM.

¹⁷ Wakil perundangan bermaksud yang berkaitan dengan kanak-kanak atau orang muda yang telah dipertuduhkan sesuatu kesalahan termasuk mana-mana orang yang membantu kanak-kanak atau orang muda itu dalam pembelaannya terhadap pertuduhan itu. Lihat Seksyen 10 (8), *Ibid.*

¹⁸ Seksyen 10 (2) (a) dan (b), *Ibid.*

¹⁹ Seksyen 10 (3), *Ibid.*

Begitu juga jika seorang juvana terlibat di dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang bersesuaian selain Mahkamah Juvana, maka mahkamah tersebut boleh meneruskan perbicaraan dan penentuan prosiding itu walau apa pun peruntukkan Seksyen 10 (1), akta berkenaan yang menyatakan seorang juvana tidak boleh dipertuduhkan atau dibicarakan selain di hadapan Mahkamah Juvana.²⁰

Apa yang menarik perhatian di dalam seksyen 10 (6), jika seorang juvana telah mencapai umur 18 tahun pada tarikh sebutan pertama kes maka dia tidak lagi boleh dibicarakan oleh Mahkamah Juvana. Ini bermakna apa-apa kesalahan yang telah dilakukan oleh seorang juvana tidak akan dikendalikan oleh Mahkamah Juvana sekiranya dia sudah berumur 18 semasa sebutan pertama kes didengar. Walau bagaimanapun, jika dia telah mencapai umur 18 tahun semasa prosiding perbicaraan maka mahkamah juvana boleh meneruskan prosiding ke atasnya berdasarkan subseksyen seterusnya.²¹ Dalam erti makna sebenar, Mahkamah Juvana berbidangkuasa membicarakan segala kesalahan yang dilakukan oleh juvana sepertimana dilakukan oleh Mahkamah Majistret, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Tinggi kecuali dinyatakan dalam subseksyen (1), (2),²² (3), (4) dan (6).

Prosiding Perbicaraan kes Mahkamah Juvana

Seseorang juvana yang dihadapkan ke Mahkamah untuk perbicaraan tidak dibenarkan bercampur gaul dengan orang dewasa yang selain ahli kerabatnya sama ada semasa di dalam tahanan polis atau hendak pergi dan balik dari menghadiri perbicaraan kes kecuali rakan sejenayah yang dituduh bersama dengannya.²³ Sebelum kes perbicaraan melibatkan juvana bermula, semua orang diarahkan mengosongkan dewan mahkamah kecuali penjaganya yang tiada berkaitan dengan fakta kes dan pendakwaraya yang mengendalikan kes juvana tersebut.

Sebutan Pertama Kes

Apabila juvana tersebut dibacakan rangka tuduhan maka mahkamah akan menerangkan kepada juvana tersebut dalam bahasa yang mudah difahami akan kesalahan yang dipertuduhkan. Sekiranya juvana tersebut mengakui kesalahan dan fakta kesalahan yang telah dibacakan maka mahkamah akan memberi peluang kepada juvana tersebut dan penjaganya untuk membuat permohonan keringanan hukuman dengan memperolehi segala maklumat peribadi juvana tersebut terlebih dahulu daripada pihak-pihak yang berkepentingan sebelum mengeluarkan perintah mahkamah.

Perbicaraan Penuh

Jika juvana tersebut tidak mengakui pertuduhan ataupun fakta kesalahan yang dibacakan maka mahkamah akan membicarakan kes juvana tersebut sepertimana perbicaraan kes orang dewasa yang lain dengan memeriksa saksi-saksi pendakwaan melalui saringan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Pihak juvana atau penjaganya atau mana-mana wakilnya atau peguam yang mewakilinya boleh menyoal balas saksi pendakwaan. Jika juvana tersebut tidak mempunyai penjaga atau wakilnya atau peguam yang mewakili dalam perbicaraan kes maka mahkamah boleh juvana tersebut mengemukakan pemeriksaan balas ke atas saksi pendakwaan mengenai fakta persoalan yang berbangkit.

²⁰ Seksyen 10 (4), *Ibid.*

²¹ Seksyen 10 (7), *Ibid.*

²² Seksyen 10 (5), *Ibid.*

²³ Seksyen 40, *Ibid*

Apabila mahkamah mendapati adanya prima facie terhadap kes tersebut maka mahkamah akan memanggil juvana tersebut untuk membela diri dengan menerangkan kepadanya mengenai bukti yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan memerlukan penjelasan atau pembelaan sama ada melalui mengangkat sumpah atau memberi keterangan ataupun memanggil saksi pembelaan.

Sekiranya tertuduh telah berjaya dalam pembelaan kes disebabkan adanya keraguan yang munasabah maka mahkamah akan membebaskan juvana tersebut daripada pertuduhan. Akan tetapi jika juvana tersebut gagal menimbulkan keraguan dalam membela diri dan mahkamah telah berpuas hati dengan bukti yang dikemukakan adalah melampaui keraguan yang munasabah maka mahkamah akan memerintahkan juvana tersebut dan penjaganya untuk membuat permohonan keringanan (hukuman) dengan memperolehi segala maklumat peribadi juvana tersebut terlebih dahulu daripada pihak-pihak yang berkepentingan sebelum mengeluarkan perintah mahkamah.

Prosedur perbicaraan kes juvana berdasarkan bab 49, KOKM dan kuasa mahkamah juvana antara lain hendaklah mengeluarkan perintah setelah kes pendakwaan telah selesai dibuktikan sama ada –

- a) Melepaskan pesalah juvana;
- b) Melepaskan pesalah juvana itu dengan syarat dia mengikat bon untuk berkelakuan baik dan menurut apa-apa perintah mahkamah yang akan dikenakan ke atasnya;
- c) Meletakkan pesalah juvana dalam jagaan seseorang yang layak dan sesuai selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh mahkamah juvana;
- d) memerintahkan supaya penjaga juvana tersebut menyempurnakan bon untuk menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sepatutnya dan mematuhi perintah mahkamah juvana berkaitan dengan kebajikan, penyelenggaraan dan pemulihan pesalah juvana itu;
- e) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, membuat suatu perintah percubaan yang menghendaki pesalah juvana berada di bawah pengawasan pegawai percubaan atau pegawai percubaan sukarela untuk suatu tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak lebih daripada 3 tahun;
- f) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, membuat suatu perintah, mengikut kehendak yang ditetapkan, menghendaki pesalah juvana itu melakukan perkhidmatan masyarakat, tidak melebihi 240 jam secara agregat, perkhidmatan sedemikian dan pada masa dan tempat itu adalah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah Juvana;
- g) memerintahkan pesalah juvana itu ditahan di tempat tahanan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan;
- h) untuk memerintahkan pesalah juvana itu ditahan di tempat tahanan atau institusi yang diluluskan bagi bilangan hujung minggu, tidak melebihi 52 minggu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Juvana;
- i) memerintahkan pesalah juvana itu dihantar ke sekolah yang diluluskan untuk tempoh tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 3 tahun;
- j) memerintahkan pesalah juvana membayar denda, ganti rugi atau kos;
- k) untuk memerintahkan pesalah juvana itu dibawa di hadapan Mahkamah Perantaraan hendaklah diuruskan di bawah seksyen 14A Kanun Prosedur Jenayah (Penggali 7) jika -
 - (i) pesalah itu telah mencapai umur 18 tahun; atau

- (ii) setelah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun, pesalah juvana tersebut sebelumnya telah ditangani oleh suatu mahkamah yang berkaitan dengan satu lagi kesalahan dan, atas kesalahan itu, telah diperintahkan di bawah perenggan (i) untuk dihantar ke sekolah yang telah diluluskan, dan Mahkamah Juvana berpuas hati bahawa adalah mustahak dengan tujuan untuk reformasi juvana tersebut bahawa dia harus menjalani masa latihan di pusat latihan reformasi.

Pensabitan (*conviction*) atau didapati bersalah (*finding guilty*) hendaklah tidak digunakan dalam kes jenayah yang melibatkan juvana.²⁴ Begitu juga istilah pensabitan bersalah (*conviction*) dan menjatuhkan hukuman (*sentencing*) digunakan di dalam kes percabaran Mahkamah Juvana.²⁵ Mana-mana kanak-kanak atau orang muda atau penjaganya tidak berpuas hati terhadap keputusan atau penghakiman atau perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Juvana bolehlah merayu ke atas keputusan ataupun perintah yang dikeluarkan mengikut peruntukan perundangan mengenai rayuan ke Mahkamah Tinggi dari Mahkamah Majistret.²⁶

Walau bagaimanapun, hukuman-hukuman tersebut di atas tidak terpakai ke atas juvana yang sabit melakukan jenayah bunuh, atau menyebabkan kematian yang tidak terjumlah kepada jenayah bunuh, percubaan membunuh atau menyebabkan kecederaan yang menyakitkan. Mahkamah berpendapat bahawa tidak ada kaedah lain yang mana dengan kesnya secara sah ditangani adalah sesuai, boleh ditahan di dalam tahanan menurut undang-undang atas perkenan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Juvana dari Sudut Perundangan Syariah

Berbeza dengan perspektif Syara', tiada termonologi juvana secara khusus digunakan. Walau bagaimanapun, para ulama' mengklasifikasikan golongan muda kepada 3 kategori iaitu; *mumaiyiz*, *baligh* dan *mukallaf* dengan memberikan kadar had umur setiap kategori tersebut. Peringkat awal di usia kanak-kanak ini akan melalui sifat *tamyiz* iaitu keupayaan untuk membezakan sesuatu. Berbagai pendapat fuqaha mengenai peringkat umur *tamyiz*; antaranya ialah

- a) Kanak-kanak itu mampu makan, minum dan bersuci bersendirian tanpa bantuan orang lain.
- b) Ada yang menerangkan maksud *tamyiz* dengan keupayaan kanak-kanak itu memahami pertanyaan dan dapat menjawabnya.
- c) Pendapat lain juga menggambarkan perkara ini dengan keupayaan mengetahui perkara yang boleh mendatangkan faedah dan bahaya.
- d) Al-Baijuri²⁷ memberi gambaran mengenai *tamyiz* dengan keupayaan membezakan tangan kiri dan tangan kanan berdasarkan riwayat dari Hisyam bin Saad berkata:
Pernah kami pergi ke rumah Muadz bin Abdullah bin Khubaib Al-Juhni R.A., lalu dia berkata kepada isterinya: "Bilakah anak-anak itu harus mengerjakan solat?" Maka isterinya berkata: "Seorang di antara kami menyebutkan dari Rasulullah S.A.W., bahawasanya beliau pernah ditanya seseorang tentang itu, maka beliau bersabda: "Apabila anak itu

²⁴ Seksyen 43, *Ibid*

²⁵ Seksyen 48 (a), *Ibid*.

²⁶ Seksyen 55, *Ibid*

²⁷ Ibrahim Al-Baijuri. (1280H). "*Hasyiah Ibrahim al-Bayjuri*", Mesir: Dar al-Tiba'ah al-Kubra al-Misriyyah, jil.1, h.141.

telah mengenal kanan dan kirinya, maka suruhlah dia mengerjakan solat".²⁸

Menurut Abu Zahrah, para fuqaha' menjelaskan maksud *tamyiz* ialah keupayaan kanak-kanak tersebut memahami secara umum urusan kontrak jual beli di mana menjual bermaksud keluar sesuatu dari milik si penjual manakala membeli bermaksud masuk sesuatu dari milik si pembeli.²⁹ Alwi Hj Abd Rahman (1999) merumuskan bahawa *tamyiz* ialah keupayaan memahami percakapan, mengenali sesuatu, menunaikan keperluan peribadi bersendirian tanpa pertolongan orang lain dan mampu membezakan antara kebaikan dengan keburukan.³⁰ Di dalam PKHJS, "*mumaiyiz*" mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah (selepas ini dirujuk sebagai PKMS), 2001; iaitu di dalam tafsiran bab 2, PKMS 2001 memperuntukkan '*mumaiyiz*' Seseorang kanak-kanak yang telah sampai tahap umur yang boleh membezakan di antara sesuatu perkara. Sehubungan itu, para fuqaha telah menkategorikan kanak-kanak tersebut kepada dua iaitu *ghairu mumaiyiz* dan *mumaiyiz*.

Ghairu mumaiyiz

Ghairu mumaiyiz adalah kanak-kanak yang berumur di bawah 7 tahun yang belum mempunyai sifat *tamyiz*. Menurut Abdul Qadir °Audah (1987), pada tahap umur bermula dari kelahiran hingga berumur tujuh tahun dianggap sebagai tidak cermat dan tanpa pemahaman. Keupayaan pemahaman dan kebijaksanaan kanak-kanak tersebut boleh dikembangkan sebelum atau selepas usia tujuh tahun mengikut persekitaran sebagai keupayaan mental dan fizikal berbeza-beza.³¹ Jika kanak-kanak tersebut melakukan sesuatu jenayah maka tiada pendakwaan dan hukuman akan dikenakan ke atasnya.

Tappan (1960)³² menyatakan pendapatnya mengenai had umur juvana delikuen bahawa seorang kanak-kanak yang berumur di bawah 7 tahun tidak mempunyai tanggungan dalam melakukan suatu jenayah kerana kurangnya kemampuan mental untuk berniat melakukan jenayah. Berkaitan dengan itu, kanak-kanak yang belum *mumaiyiz* tidak dianggap melakukan jenayah dan tidak akan dikenakan hukuman *hadd* dan *qisas* kerana segala perbuatan mereka tidak menjadi suatu kesalahan sebagaimana diperuntukkan di bawah bab 12, PKHJS³³.

Mumaiyiz

Sebagaimana diterangkan sebelum ini, proses perkembangan otak seseorang kanak-kanak itu bermula ketika berumur sekitar 7-8 tahun tertakluk kepada keupayaan kognitif kanak-kanak tersebut. Pada umur sebegini diistilahkan sebagai *mumaiyiz* dari sudut Syara' kerana mampu membezakan baik atau buruk untuk kemafaatan dirinya sehingga dia mencapai umur baligh. Golongan ini mampu melakukan beberapa hal dengan sendiri seperti makan, minum, mandi dan lain-lain. walau bagaimanapun, mereka mesti di bawah pengawasan dan tunjuk ajar orang tuanya atau walinya ketika melakukan mu'amalah seperti jual-beli dengan orang lain. Ini kerana perkembangan fizikal dan fikiran mereka mula berkembang tetapi belum di tahap

²⁸ Hadis Sunan Abu-Daud Jilid 1. Hadis Nombor 0467.

²⁹ Muhammad Abu Zahrah, (t.t) "*Al-Jarimah wa al-°uqubah (al-jarimah)*", Kaheerah: Dar al-Fikr al-°Arabi, h. 462.

³⁰ Alwi Hj. Abd. Rahman (1999), "*Jenayah Kanak-Kanak*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 9.

³¹ Abdul Qadir °Audah Shaheed. (1987). Terjemahan: "*Criminal Law Of Islam*", Karachi: International Islamic Publishers (Private) Limited, Vol. II, h. 333 -334.

³² Paul W. Tappan. (1960). "*Juvenile Delinquency*", New York: McGrow Hill.

³³ Bab 12, PKHJS memperuntukkan; "Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum *mumaiyiz*".

sempurna. Oleh itu golongan ini belum dibebani dengan kewajipan ibadah seperti sembahyang, puasa dan tuntutan Syara' yang lain. Ini berdasarkan hadith Nabi S.A.W bersabda:

"Ajarkanlah anak kecil melakukan solat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah dia kerana meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun"³⁴

Hadith di atas mengarahkan kita agar mengajar kanak-kanak mula bersembahyang apabila berusia tujuh tahun ini kerana dalam peringkat umur sebegini menunjukkan bahawa daya berfikir seorang kanak-kanak akan wujud. Walaupun tidak diwajibkan namun sembahyangnya tetap sah.

Baligh

Peringkat umur bagi seorang *mumaiyiz* itu akan terhenti apabila kanak-kanak tersebut menjadi *baligh*. Ini kerana dia tidak lagi digelar *mumaiyiz* dan mula bertanggungjawab ke atas setiap perbuatan dilakukan. Oleh itu, kanak-kanak yang *mumaiyiz* belum lagi mencapai umur dewasa dan belum mempunyai akal fikiran yang sempurna tidak dianggap seorang baligh yang *mukallaf*.

Baligh atau sering kita gunakan istilah remaja ialah suatu keadaan apabila kanak-kanak melalui satu peralihan yang signifikan dan semula jadi, iaitu perubahan kesihatan, perubahan fizikal, psikologikal dan emosional menunjukkan bahawa kanak-kanak mengalami perubahan dari zaman kanak-kanak kepada remaja. Peringkat ini melibatkan perubahan personaliti, perkembangan fizikal, intelektual dan sosial. Pada masa perubahan ini, seorang yang sudah mencapai umur baligh akan menghadapi banyak masalah dan dilema dalam membuat keputusan. Berikut adalah beberapa isu utama yang boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial seorang remaja.

Semasa peringkat baligh, kanak-kanak mengembangkan keupayaan mereka untuk memahami idea yang abstrak, seperti konsep matematik yang lebih tinggi dan membangunkan falsafah moral termasuk hak dan keistimewaan. Mereka mewujudkan dan mengekalkan hubungan yang memuaskan dengan pembelajaran untuk berkongsi keintiman tanpa rasa bimbang atau menghalang. Mereka memberikan lebih tumpuan ke arah perasaan matang diri dan nilai-nilai yang lebih membawa maksud dan mula mencari identiti diri sendiri.

Masa *baligh* dan peringkatnya berbeza untuk setiap orang, tetapi termasuk:

- a) Suatu tempoh keseluruhan pertumbuhan fizikal dan pembangunan – ini berbeza untuk anak lelaki dan anak perempuan.
- b) Pertukaran kepada organ seks – perubahan ini jadi berbeza untuk anak lelaki dan anak perempuan.

Baligh bermula apabila berlaku perubahan otak anak yang menyebabkan hormon mula mengeluarkan sperma (lelaki) atau ovari (perempuan). Menurut Roslee Ahmad (2015)³⁵, sebagai panduan, *baligh* selalunya bermula sekitar umur 10 hingga 11 tahun untuk anak perempuan dan sekitar 11 hingga 13 tahun untuk anak lelaki tetapi normal untuk jangkaan dari umur 8 hingga 13 tahun bagi anak perempuan dan 9 hingga 14 tahun bagi anak lelaki. Walau bagaimanapun, setiap kanak-kanak adalah berbeza antara satu sama lain. Genetik, pemakanan dan faktor sosial semuanya memainkan peranan penting pada permulaannya. *Baligh* yang lengkap mengambil masa dalam kira-kira 18 bulan atau 5 tahun. Namun begitu, variasi ini

³⁴ Hadis Sunan At-Termizi, Jilid 1. Hadis Nombor 0403.

³⁵ Roslee Ahmad (2015), *Kaunseling Tingkah Laku Seks Manusia*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, h. 38

adalah normal. Tiada cara yang tepat untuk membuktikan bila kanak-kanak mula baligh. Perubahan awal dalam peringkat perubahan otak dan hormon tidak dapat dilihat dan permulaan baligh tidak dapat dikenalpasti masanya.

Apabila seseorang itu sudah baligh maka dia telah ditaklifkan atau dipertanggungjawabkan melakukan perintah atau suruhan Syara' seperti sembahyang dan sebagainya. Al-Baihaqi telah meriwayatkan berhubung dengan umur baligh:

“Hukum-hukum *Syara'* dikaitkan dengan umur baligh hanya selepas Hijrah. Sebelum hijrah hingga tahun *khandaq*, ia dikaitkan dengan umur *tamyiz*”

Riwayat al-Baihaqi tersebut menjelaskan bahawa hukum Syara' dikenakan ke atas seorang yang *baligh* selepas berlakunya hijrah Rasulullah S.A.W ke Madinah sehingga tahun peperangan Khandaq (sekitar tahun kelima Hijrah). Ini kerana sebelum tahun peperangan tersebut, hukum Syara' dikenakan ke atas kanak-kanak yang *mumaiyyiz*. Riwayat ini juga menunjukkan bahawa, sebelum Hijrah sehingga tahun peperangan Khandaq, seseorang yang *mumaiyyiz* sudah dianggap sebagai *mukallaf*, tetapi selepas Hijrah (peperangan khandaq), berlaku perubahan iaitu seseorang yang *mumaiyyiz* belum lagi dianggap sebagai *mukallaf*, sebaliknya orang yang *baligh* sahaja dianggap sebagai *mukallaf*.

Sebagaimana diterangkan oleh Roslee Ahmad (2015) tadi, meskipun terdapat panduan had umur seseorang baligh tetapi tidak dipastikan secara signifikan bilakah seseorang itu dianggap sudah baligh.

Peruntukan Jenayah Perundangan Syariah

Di dalam peruntukan PKHJS di mana Mahkamah Syariah berbidangkuasa membicarakannya, kanak-kanak yang belum *mumaiyyiz* tidak akan dikenakan hukuman *hadd* dan *qisas* kerana segala perbuatan mereka tidak menjadi suatu kesalahan.³⁶ Manakala kanak-kanak yang *mumaiyyiz* tetapi belum mencapai *baligh*³⁷ juga tidak dikenakan hukuman *hadd* dan *qisas* ini tetapi boleh dikenakan hukuman selainnya³⁸ (bersifat *ta'zir*).

Ini menjelaskan sekiranya orang yang belum mencapai umur baligh ataupun bukan mukallaf melakukan kesalahan *hudud*, *diyat* dan *qisas* maka mereka tidak dikenakan hukuman sepertimana yang ditetapkan oleh hukum *Syara'* tetapi terpulang kepada hakim *Syar'ie* yang akan menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman *hadd*, *diyat* dan *qisas* yang bersifat *ta'zir* jika tiada peruntukan khusus.

Sebagai contoh hukuman *hadd sariqah* di mana jika seorang yang belum baligh atau bukan mukallaf itu melakukan *hadd sariqah* dengan kaedah pembuktian yang sempurna maka dia tidak dikenakan hukuman *hadd sariqah* tetapi hukuman berbentuk *ta'zir* berdasarkan bab 55 (3) (b), PKHJS:

Mana-mana orang yang melakukan *sariqah* –

- (a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah cerai (1); atau
- (b) dalam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam bab-bab 56 dan 57, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak

³⁶ Bab 12, PKHJS.

³⁷ Di dalam bab 2, PKHJS, “*baligh*” mempunyai makna yang sama yang diberikan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 (S 30/2001); iaitu di dalam tafsiran bab 2, PKMS 2001 memperuntukkan “*baligh*” Seorang yang cukup umur mengikut Hukum Syara'.

³⁸ Bab 13, Ibid.

melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$56,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 14 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 56 PKHJS memperuntukkan hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam mana-mana keadaan yang berikut –

- (a) ...;
- (b) apabila pesalah itu bukan *mukallaf*;
- (c) ...;

Walau bagaimanapun, jika seorang yang belum baligh itu melakukan *zinā*, *zinā bil-jabar* ataupun *liwat* yang boleh dihukum *hadd* meskipun tidak dikenakan *hadd* ke atas mereka tetap akan dikenakan hukuman khusus jika sabit bersalah. Sebagai contoh di dalam bab 70, PKHJS memperuntukkan:

70. Jika mana-mana orang yang bukan mukallaf atau belum mencapai umur baligh melakukan zina dan –

- (a) dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh, atau dengan syahadah sekurang-kurangnya empat orang syahid menurut Hukum Syara' setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak tazkiyah al syuhud, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum sebat tidak melebihi 30 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun; atau
- (b) dibuktikan dengan keterangan selain daripada yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum sebat tidak melebihi 15 sebatan dan ditahan di mana-mana pusat pemulihan yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun.

Hukuman Mati dan Sebat

Berdasarkan bab 150 (1) PKPJMS tiada hukuman mati ataupun *rejam* boleh dijatuhkan kepada atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan jika pada masa kesalahan itu dilakukan dia bukan *mukallaf* atau belum mencapai umur *baligh*; tetapi sebagai gantinya Mahkamah Syariah hendaklah menghukum supaya orang itu ditahan dalam tahanan yang sah di sisi undang-undang.

Hukuman sebat ke atas golongan ini hendaklah garis pusat alat sebatan itu kurang daripada alat sebatan bagi orang lelaki dewasa, iaitu hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak boleh melebihi 1.22-meter dan garis pusatnya tidak boleh melebihi 1.25 sentimeter.³⁹

Pesalah Kanak-Kanak yang Mumaiyiz Tetapi Belum Baligh

Bab 198 PKPJMS memperuntukkan hukuman ganti ke atas pesalah yang mumaiyiz tetapi belum baligh yang dijatuhi hukuman bagi kesalahan yang boleh dihukum sebat, denda atau penjara:

- (1) Apabila mana-mana pesalah kanak-kanak yang mumaiyiz tetapi belum baligh disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah atas sebarang kesalahan

³⁹ Bab 179 (a) dan (b), PKPJMS.

yang boleh dikenakan hukuman sebat, denda atau penjara, Mahkamah Syariah itu boleh sebagai ganti menjatuhkan hukuman sebat, denda atau penjara itu –

(a) memerintahkan supaya pesalah itu dilepaskan selepas teguran yang sewajarnya diberikan, jika difikirkan patut oleh Mahkamah Syariah;

(b) memerintahkan supaya pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapanya atau penjaganya atau waris dewasa yang terdekat atau kepada orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah, selepas ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu melaksanakan suatu bon dengan penjamin sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah Syariah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh tidak melebihi 12 bulan;

(c) tanpa menghendaki mana-mana orang untuk mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahkannya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh tidak melebihi 2 tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu menurut syarat-syarat yang disebutkan dalam bab 200(a), (b) dan (c) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Syariah; atau

(d) menguruskan pesalah itu dengan cara yang diperuntukkan oleh Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggagal 219).

(2) Mahkamah Syariah yang di hadapannya seorang pesalah di bawah cerai (1) disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti mengenakan hukuman ke atas pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam bab ini, mengenakan ke atas ibu atau bapanya atau penjaganya denda tidak melebihi \$5,000 dalam mana-mana kes di mana Mahkamah Syariah itu, selepas menjalankan siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu, dengan sebab kecuaiannya mereka untuk mengambil perhatian yang patut atau pun selainnya ke atas pesalah itu, turut menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu tidak boleh didenda tanpa dia diberikan peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan dalam pembelaannya.

(3) Bab ini hendaklah dikenakan kepada semua kesalahan, sama ada atau tidak suatu hukuman minimum telah ditetapkan bagi sebarang kesalahan.

Kesimpulan

Kesimpulan daripada perbandingan undang-undang sivil dan Syariah (Akta KHJ dan PKHJS) menyentuh had umur pesalah juvana di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil adalah seseorang berumur antara 12 sehingga 18 tahun, manakala had umur pesalah juvana di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah ialah apabila dia seorang mukallaf yakni mencapai umur 15 tahun qamariah dan sempurna akalannya. Isu yang timbul ialah seseorang yang berumur antara 15 sehingga 18 tahun melakukan kes-kes jenayah Syariah adalah dikira sebagai mukallaf dan ini memberi gambaran bahawa jika dihukum ke atas golongan umur sebegini seolah-olah hukuman dijatuhkan ke atas orang dewasa sedangkan dia masih tergolong di dalam juvana menurut undang-undang sivil.

Tiada peruntukan khusus mengenai prosiding perbicaraan kes-kes yang melibatkan golongan yang belum *baligh* dan bukan *mukallaf* sebagaimana prosiding perbicaraan yang diperuntukkan di bawah bab 49, KOKM.

Cadangan

Di akhir perbincangan ini, penulis ingin memberikan beberapa saranan dan cadangan berkaitan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkenaan agar pelaksanaan PKHJS terus mengikut landasan dan berjalan dengan lancar:

1. Isu had umur orang yang bukan *mukallaf* atau yang belum mencapai umur *baligh* perlu dihalusi demi mengelak berlakunya masalah dikemudian hari khususnya bagi kesalahan yang bertindih antara KHJ dan PKHJS.
2. Perlu ada pindaan dengan memasukkan peruntukan baru mengenai prosedur pengendalian kes yang melibatkan kanak-kanak yang *mumaiyiz* tetapi belum *baligh* dan yang bukan *mukallaf*.
3. Cadangan untuk penubuhan Mahkamah Juvana Syariah atau nama yang lebih khusus bagi membicarakan kes-kes yang melibatkan golongan berkenaan sama ada dibuat melalui satu pewartaan atau dengan memasukkan peruntukan pindaan baru di dalam Akta Mahkamah Syariah (Penggalaan 184).

References

- Abdul Qadir °Audah, S. (1987). *Criminal Law Of Islam*. Karachi:: International Islamic Publishers (Private) Limited.
- Abu Zahrah, M. (t.t). *Al-Jarimah wa al-°uqubah (al-jarimah)*. Kaherah: Dar al-Fikr al-°Arabi.
- Ahmad, R. (2015). *Kaunseling Tingkah Laku Seks Manusia*, . Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Bajjuri, I. (1280H). *Hasyiah Ibrahim al-Bayjuri* (Vol. 1). Mesir: Dar al-Tiba°ah al-Kubra al-Misriyyah.
- Dayang Hajah Hayati Binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh, D. S. (23 Oktober 2013). "Kebolehlaksanaan Undang-Undang Sivil Berjalan Seiring Dengan Undang-Undang Syar'iyah". *Kertas Kerja Majlis Ilmu 2013*,. Brunei: Pelita Brunei.
- Hasnah, G. (1995). *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian* . Shah Alam: HIZBI.
- Hussainmiya, D. B. (2006). *Brunei Revival of 1906: A Popular History*. Brunei: Brunei Press Sdn Bhd.
- Mohd Abu Hassan, A., Ahmad 'Azam, M. S., & Mohammad Azhan, Y. (2017). Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah Di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah. *The International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society* (pp. 315-325). Terengganu: Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZa.
- Rahman, A. H. (1999). *Jenayah Kanak-Kanak*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tappan, P. W. (1960). *Juvenile Delinquency*. New York: McGraw Hill.
- Wafaa', Y., & Anita, A. R. (2014). The Age of criminal responsibility from the perspective of Malaysian Shariah Law. *Asian Social Sciences*, 10(10), 95-104.
- Yusramizza, M. I., & Anis Shuhaiza, M. S. (2007). Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-Kanak di Malaysia. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 3, 61-67.

Statut-statut

1. Kanun Hukuman Jenayah (Penggalaan 22) (KHJ).
2. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggalaan 77).

3. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Panggal 184).
4. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Panggal 219) (KOKM)
5. Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001.
6. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS).
7. Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 (PKPJMS).